

KUMPULAN DRAMA PENTAS ‘SIRIH’

ABSTRAK

Antologi ini mengandungi tujuh drama: “Sirih”, “Intan Terpilih”, “Pesan Si Manis”, “Qumala Naga”, “Ceritera Laila Menchanai”, “Si Ambuk”, “Hikayat Empat Pemalas”. Karya-karya ini terhasil sepanjang penglibatan saya di dalam dunia seni drama dan teater, waktu saya sebagai pelajar universiti dan kemudian memulakan kerjaya sebagai tenaga pengajar di universiti. Apa yang saya pelajari akan turut mempengaruhi pemikiran, gaya dan teknik penulisan saya. Genre drama terlalu dekat dengan jiwa dan pernyataan saya, kerana itulah bidang keilmuan yang saya terokai. Kelahiran antologi ini dirasakan sebagai usaha menyebarkan pengetahuan kepada generasi kini. Karya yang dipaparkan merupakan kepelbagaian isu dengan teknik produksi dan pengupasan yang berbeza.

Naskhah-naskhah yang terdapat di dalam antologi ini mengandungi pelbagai tema yang cuba diungkapkan yang perlu dipersembahkan kepada masyarakat dalam bentuk penemuan baru serta mesej yang hendak disampaikan senang difahami untuk manfaat bersama. Cerita yang memberi tauladan yang baik terdapat pada naskhah *Pesan Si Manis* dan *Hikayat Empat Pemalas*. *Pesan Si Manis* adalah adaptasi dari sejarah tempatan diubahsuai dalam bentuk yang baru tanpa mengubah cerita asalnya. Sementara itu penggunaan pantun sebagai alat pemelihara bahasa perlu dihargai dan ini cuba diketengahkan di dalam naskhah *Hikayat Empat Pemalas*. Naskhah ini cuba menunjukkan kecepatan para pemain dalam berfikir dan bermain-main dengan kata. Pantun adalah sebagai alat penguat penyampaian pesan yang ditonjolkan di dalam naskhah ini. Manakala melalui *Ceritera Laila Menchanai* cuba menyerapkan pemikiran generasi sekarang sesuai dengan pemikiran masyarakat zaman dulu. Kewujudan seorang puteri dipertikaikan dengan menggabungkan fakta dan seni akhirnya menimbulkan pertanyaan sehingga sekarang. Apakah realiti itu hanya satu khayalan atau khayalan itu mungkin menjadi realiti? Keadaan beginilah yang wujud dalam naskhah ini. Mesej tentang keprihatinan kehidupan liar dan tumbuh-tumbuhan terhadap pencerobohan dan pemusnahan alam sekitar disampaikan dalam naskhah *Si Ambuk* dalam bentuk simbolik. Mesej disampaikan secara halus tanpa menyinggung perasaan pembaca. Dalam waktu manusia leka dengan arus pembangunan tanpa menghiraukan adanya makhluk lain di atas muka bumi ini yang memerlukan perlindungan, akibatnya mereka menjadi korban pemodenan. Naskhah *Intan Terpilih* mengandungi unsur-unsur panji iaitu pengembaraan dan penyamaran seorang putera dan puteri istana dan berkesudahan *happy ending* namun kisah ini diselitkan unsur humor dan pantun untuk hiburan pembaca. Pada sudut yang lain pula, perbincangan mengenai adat itu perlu diteruskan atau tidak cuba dikupas di dalam naskhah *Sirih* iaitu sirih junjung sebagai kepala adat dalam masyarakat Melayu didahulukan dalam acara perkahwinan orang-orang Melayu. Perlukah adat itu dikekalkan atau diubahsuai mengikut

keadaan zaman kita sekarang? Semuanya dipaparkan di dalam naskhah ini. Melalui naskhah *Qumala Naga* cuba mengetengahkan sejarah tempatan sebagai satu tatapan untuk generasi sekarang. Khalayak sekarang boleh menilai semula zaman lampau dalam konteks yang baru dan berbeza.